



27 NOV, 2022

## Pesakit kanser usus genggam PhD



Mingguan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 3



**Pesakit kanser usus genggam  
PhD, anugerah khas UiTM »7**




27 NOV, 2022

## Pesakit kanser usus genggam PhD



Mingguan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 3



**ANIS MARDIANA ABDULLAH** (kiri) menerima PhD daripada Tengku Permaisuri Norashikin pada Istiadat Konvokesyen ke-95 UiTM di Dewan Agung Tuanku Canselor UiTM Shah Alam, Shah Alam, Selangor.

- MINGGUAN/AFIQ RAZALI

## Pesakit kanser usus genggam PhD

**SHAH ALAM:** Biarpun diuji menghidap kanser usus tahap empat, ia tidak melunturkan semangat Dr. Anis Mardiana Abdullah untuk menggenggam Ijazah Kedoktoran (PhD) pada Konvokesyen ke-95 Universiti Teknologi Mara (UiTM) semalam.

Anis Mardiana, 45, turut menerima Anugerah Hadiah Buku Inovasi Malaysian Technology Development Corp. (MTDC) merasmi hasil kajian beliau dalam pengangkutan dan logistik.

Menurut ibu kepada seorang anak itu, dia tidak menggunakan kerusi roda kerana enggan menyusahkan orang lain.

“Saya baru diagnosis kanser kolon itu dua minggu lalu dan masih dalam keadaan terkejut apatah lagi menerima anugerah khas UiTM.

“Sewaktu menyambung PhD, saya tidak mengalami simptom teruk kecuali hanya tangan menggelembung dan menyangka mungkin akibat stress,” katanya ketika ditemui selepas Istiadat Konvokesyen itu di Dewan Agung Tuanku Canselor UiTM Shah Alam, di sini.

Sidang pertama konvokesyen itu disempurnakan Pro Canselor UiTM, Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin melibatkan seramai 116 graduan ijazah Kedoktoran.

Jelas Anis Mardiana, dia akan menjalani pembedahan di Hospital Canselor Tuanku Muhriz minggu depan.

“Jika mengikut kata doktor, penyakit saya ini sudah lama namun saya tidak merasai apa-apa sebelum ini,” katanya.

Tambahnya, beliau menggunakan pengalaman sebagai pegawai di Kementerian Kewangan dalam menjalankan kajian berkaitan logistik dan pengangkutan terutama dalam bidang halal.

“Sokongan suami dan anak banyak membantu saya menyelesaikan pengajian dalam tempoh hampir empat tahun,” katanya.



27 NOV, 2022

## Pesakit kanser usus genggam PhD

Mingguan Malaysia, Malaysia



Page 3 of 3

### SUMMARIES

Pesakit kanser usus genggam PhD, anugerah khas UiTM >7

ANIS Mardiana Abdullah (kiri) menerima PhD daripada Tengku Permaisuri Norashikin pada Istiadat Konvokesyen ke-95 UiTM di Dewan Agung Tuanku Canselor UiTM Shah Alam. Shah Alam. Selangor. - MINGGUAN/AFIQ RAZALI

SHAH ALAM: Biarpun diuji menghidap kanser usus tahap empat, ia tidak melunturkan semangat Dr. Anis Mardiana Abdullah untuk menggenggam Ijazah Kedoktoran (PhD) pada Konvokesyen ke-95 Universiti Teknologi Mara (UiTM) semalam.